

PERHATIAN

... yang sempat dipulangkan akan dihajikan

SALASILAH NAMA TEMPAT

N E G E R I
K E D A H
D A R U L A M A N

MOHD ROSELAN AB. MALEK

PENERBIT PRISMA SDN BHD

Cetakan Pertama 1993

ISBN 983-9665-78-2 (SIRI)
983-9665-80-4

Persatuan Penerbit Buku Malaysia
No.Ahli: 8702

© Hakcipta terpelihara.

Sebarang bahagian buku ini tidak boleh diterbitkan semula dalam apa
cara sekalipun kecuali dengan izin bertulis daripada:

PENERBIT PRISMA SDN BHD

129, JALAN SS 25/2

TAMAN MEWAH

47301 PETALING JAYA

SELANGOR DARUL EHSAN

K

983-9665-80-4

MIRA

BK 671908

[7 JUN 1994]
Perpustakaan Negara
Malaysia





Negeri Kedah Darul Aman terletak di utara Semenanjung Malaysia dan mempunyai keluasan 9,426 kilometer persegi. Sebahagian besar daripada kawasan pertanian di negeri ini diliputi oleh tanah padi. Kedah negeri pengeluar padi utama negara, lantaran gelarannya jelapang padi negara.

Kedah berkongsi sempadan dengan Perlis, Pulau Pinang, Perak dan Thailand. Pentadbiran negeri Kedah terbahagi kepada sebelas daerah, iaitu Langkawi, Kubang Pasu, Kuala Muda, Pendang, Sik, Yan, Kota Setar, Baling, Kulim, Sungai Petani dan Bandar Baharu. Ibu negeri Kedah ialah Alor Setar.

Penemuan arkeologi menunjukkan bahawa kawasan utara semenanjung Tanah Melayu telah didiami oleh manusia purba semenjak zaman pleistosen lagi. Penduduk kawasan tersebut pada ketika itu terdiri daripada orang Proto-Melayu. Mereka hidup dengan menjalankan kerja-kerja pertanian di kawasan rendah di pedalaman negeri, terutama di tepi-tepi sungai. Hasil kajian juga menunjukkan tamadun mereka mengalami proses kemajuan yang tidak statik. Tamadun itu didapati mencapai tahap penggunaan alat-alat yang diperbuat daripada logam. Alat-alat ini termasuk alat untuk bertani dan berburu.




Kawasan asal negeri Kedah merangkumi negeri-negeri Perlis dan Pulau Pinang, termasuk Seberang Perai. Ramai ahli sejarah menganggap bahawa negeri Kedah adalah negeri yang tertua di Tanah Melayu. Pendapat ini didasarkan pada penemuan bahan-bahan arkeologi selepas Masihi di kawasan-kawasan tertentu.

Penemuan ini membuktikan bahawa kawasan-kawasan penempatan awal yang teratur telah wujud semenjak abad keempat atau kelima lagi. Penerokaan negeri Kedah pada masa itu dikatakan berpunca daripada kedudukannya yang menarik di mulut Selat Melaka, di tengah-tengah laluan perdagangan antara di Asia Timur dan Asia Barat.

Pantai negeri Kedah mudah disinggahi para pedagang dan pengembara yang belayar berulang-alik di antara India dan China. Bagi mereka, Kedah adalah daratan pertama yang ditemui selepas merempuh Teluk Benggala. Begitu juga, Kedah adalah daratan yang terakhir sebelum kapal dari China sampai ke India.

Satu lagi faktor yang menarik perhatian pelayar untuk mendarat di Kedah ialah kedekatannya dengan Ligor dan pantai timur Semenanjung melalui jalan darat.

Kapal-kapal dagang zaman dahulu biasanya berlabuh di kuala sungai. Kuala sungai memudahkan pendaratan serta kurang berbahaya pada kapal yang berlabuh kerana airnya lebih tenang berbanding dengan laut. Lagipun, kuala sungai biasanya berpenghuni, lantaran memudahkan perolehan bekalan untuk pelayaran.



Di Kedah, dua sungai yang mendapat perhatian pelayar silam ialah Sungai Merbok dan Sungai Muda. Kuala kedua-dua sungai ini terletak tidak jauh dari Gunung Jerai, gunung yang tertinggi di Kedah. Faktor ini penting kerana kapal-kapal yang belayar di Selat Melaka boleh melihat Gunung Jerai dan menjadikannya mercu tanda dan pedoman arah untuk menuju ke pelabuhan.

Di kaki gunung Jerai, Sungai Bujang mengalir masuk ke Sungai Merbok. Di sini ditemui banyak kesan sejarah. Ahli-ahli sejarah bersetuju bahawa kawasan Lembah Bujang ini adalah tapak penempatan manusia yang tertua yang dijumpai di Kedah.


Pada masa dahulu Pangkalan Bujang sangat maju. Pedagang India dan China sering singgah di Pangkalan Bujang untuk berniaga. Dari sini, mereka boleh meneruskan perjalanan melalui jalan darat ke Ligor, di pantai timur Semenanjung.

Kajian arkeologi menunjukkan bahawa di tempat ini terdapat kira-kira 50 tapak penempatan awal. Barang-barang purba yang ditemui di sini termasuk mangkuk, tembikar, porselin China dari era Sung dan beberapa kelengkapan keagamaan. Sebilah pedang diraja dan satu cermin yang diperbuat daripada gangsa turut ditemui. Pedang dan cermin ini mempunyai beberapa persamaan dengan pedang dan cermin yang dipaparkan dalam satu lukisan di Hyderabad, India. Lukisan itu dihasilkan pada sekitar abad keenam.

Penemuan artifak pemujaan seperti patung dewa dan manik menunjukkan bahawa penduduk di Lembah Bujang dipengaruhi agama Hindu dan agama Buddha. *Hikayat Merong Maha Wangsa* juga menyebut bahawa raja dan rakyat Kedah tua menganut agama Hindu dan agama Buddha. Sebelum kedatangan agama-agama tersebut, penduduk Kedah tidak mempunyai pegangan khusus kecuali kepercayaan kepada semangat dan roh.

Kesan sebuah candi juga telah dijumpai di Bukit Batu Pahat, di sebelah utara Sungai Merbok, di antara Bedong dan dan Tanjong Dawai. Candi Batu Pahat dipercayai dibina dalam abad ketujuh atau kelapan. Kerajaan Kedah telah memulihkan tapak candi itu.

Hasil daripada ekskavasi atau galicari arkeologi yang dijalankan di sekitar kawasan Lembah Bujang kini dapat dilihat tersimpan di Muzium Arkeologi yang didirikan di situ. Sementara itu, Lembah Bujang dan kawasan-kawasan lain yang berhampiran dengannya iaitu Matang Pasir, Tikam Batu dan Kuala Muda telah dijadikan kompleks sejarah yang dikenali sebagai Taman Sejarah.



Kota Kuala Kedah

Satu lagi binaan lama di Kedah ialah Kota Kuala Kedah. Kota yang juga disebut dengan nama Kota Kuala Bahang ini terletak kira-kira 12 kilometer dari bandar Alor Setar. Menurut sejarah, kota ini yang asal dibina daripada tanah lumpur dengan rekabentuk kubu. Hal demikian menjadikan tapak asal Kota Kuala Muda tapak kubu yang tertua di Malaysia.

Kota Kuala Kedah memainkan peranan yang penting dalam perkembangan sejarah Kedah. Kota ini bukan sahaja berfungsi sebagai pusat pertahanan tetapi juga sebagai pusat pentadbiran negeri.


Beberapa pertempuran hebat telah berlaku di Kota Kuala Kedah. Dalam tahun 1611 orang Portugis yang memerintah Melaka telah menyerang kota ini. Akibat serangan itu, kota ini rosak teruk dan terpaksa dibina semula. Antara tahun 1724 dan 1726 berlaku pula perang saudara untuk merebut takhta Kerajaan Kedah. Sekali lagi kota ini diserang. Pertahanannya kukuh dan pihak yang menyerang gagal menawaninya.

Kerosakan demi kerosakan telah menimpa Kota Kuala Kedah akibat peperangan. Pada tahun 1771 sebuah kota baru dibina di Kuala Bahang, tidak jauh dari tapak asal, sebagai menggantikan kota ini. Kota yang baru itu mengekalkan bentuk kota lama.

Bagaimanakah Kedah mendapat namanya?

Ceritanya pelbagai serta menarik. Sumber Arab dan Parsi banyak menyebut tentang negeri Kedah. Mereka memanggil kawasan di utara Semenanjung itu sebagai *Kilah* atau *Kalah* atau *Qalha*. *Qalha* dikatakan mempunyai empat buah daerah, iaitu Kuala Kilah (Kuala Merbok sekarang), Kuala Bahang (Kuala Kedah), Kuala Merpah (kawasan Pulau Panjang, dekat bandar Satun di sempadan Perlis dan Thailand) dan Kuala Bara (kuala sungai di kawasan Satun).

Dalam catatan Sanskrit, Kedah disebut sebagai *Kataha* atau *Kadara*. Sementara dalam sumber Tamil pula Kedah disebut sebagai *Kadaram* atau *Kalagam*. 'Kadaram' bermakna kualiti besar dan 'kalagam' pula bermakna warna hitam. Tidak diketahui mengapa Kedah dikaitkan dengan kualiti yang hitam legam itu.



Ada ahli sejarah yang berpendapat bahawa nama Kedah berasal daripada perkataan *kheddah* yang bermaksud perangkap gajah yang digunakan oleh pemburu pada masa dahulu. Ahli-ahli sejarah yang lain berpendapat bahawa nama Kedah berasal daripada *kedah*, perkataan Arab yang bermaksud gelas berkaki. Pada zaman dahulu ramai pedagang Arab yang menjual gelas berkaki. Mereka sering meneriakkan 'kedah, kedah...' untuk menarik perhatian orang ramai kepada barang dagangan mereka.

Catatan-catatan sejak tahun 846 Masihi menggunakan pelbagai sebutan untuk merujuk kepada Kedah. Antara sebutan itu ialah *Kilah*, *Kalah-bar*, *Kalah*, *Langgasu*, *Langa*, dan *Langkasuka*. Nama-nama lain termasuk *Kora*, *Kola*, *Chiah-Chin*, *Kie ta'a*, *Kietcha*, *Gedda*, *Kidara* dan *Kala*.



Dalam *Hikayat Merong Maha Wangsa* diceritakan bahawa negeri Kedah telah dibuka oleh seorang putera Merong Maha Wangsa, maharaja India yang berasal daripada keluarga Mitra Gupta. Merong Maha Wangsa memerintah kira-kira 300 tahun sebelum Masihi. Negeranya terletak di utara India dengan bandar yang kini dipanggil Patna sebagai pusat pemerintahannya.

Pada suatu masa, putera Merong Maha Wangsa telah diutuskan untuk mengiringi putera Raja Rom yang

akan berkahwin dengan puteri Maharaja China. Di pertengahan perjalanan, kapal yang membawa kedua-dua putera raja itu telah diserang oleh geroda yang bertujuan untuk menggagalkan perkahwinan tersebut. Kapal mereka pecah. Mereka hanyut di tengah laut dan akhirnya terdampar di pantai. Di daratan itu dibuka sebuah negeri yang diberi nama Kedah dengan putera Merong Maha Wangsa sebagai rajanya yang pertama.

Cerita lain pula menyebut Maharaja Debar Daun sebagai raja Kedah yang pertama. Maharaja Debar Daun berasal dari Parsi dan negeri yang dibukanya itu dinamakan Qalha. Keturunan bagindalah yang membangunkan Kedah.

Raja-raja Kedah keturunan Debar Daun

1. Maharaja Debar Daun
2. Maharaja Diraja Putera
3. Sri Maharaja Maha Dewa
4. Sri Maharaja Karna Diraja
5. Sri Paduka Maharaja Kerma
6. Sri Paduka Maharaja Maha Dewa
7. Sri Paduka Maharaja Derma Raja

Semasa pemerintahan baginda Kedah diserang oleh Maharaja Tenangsari dari Burma (Myanmar). Pertempuran berlaku di Padang Jeram, mungkin suatu kawasan di Perlis sekarang. Dalam peperangan itu Maharaja Derma telah menang dengan pertolongan daripada Raja Ligor.

8. Sri Paduka Maharaja Maha Dewa II
(Nama asal baginda ialah Maha Jiwa)
9. Sri Paduka Maharaja Debar II

Sri Paduka Maharaja Debar II, raja yang kesembilan, dikatakan pemerintah Kedah yang pertama memeluk agama Islam. Baginda telah memilih gelaran Sultan Muzaffar Shah. Peristiwa itu berlaku dalam tahun 531 Hijrah (1136 Masihi) setelah baginda menerima kunjungan dua belas mubaligh Islam yang diketuai oleh Syekh Abdullah Syekh Ahmad. Dari tarikh itu bermulalah zaman kesultanan Kedah.

Sultan-sultan Kedah

1. Sultan Muzaffar Shah
2. Sultan Muazzam Shah
3. Sultan Muhammad Shah
4. Sultan Mazzil Shah
5. Sultan Mahmud Shah
6. Sultan Ibrahim Shah
7. Sultan Sulaiman Shah
8. Sultan Ata'Allah Muhammad Shah
9. Sultan Muhammad Jiwa Zainal Azilin
10. Sultan Mahmud Shah II
11. Sultan Muzaffar Shah II
12. Sultan Sulaiman Shah II

Pada tahun 1619 baginda berperang dengan Sultan Iskandar Mahkota Alam pemerintah Aceh.

13. Sultan Rijaluddin Muhammad Shah
14. Sultan Muhyiddin Shah
15. Sultan Ziauddin al-Mukarram Shah

Pada tahun 1678 tercetus perang saudara di Kedah, akibat perselisihan pendapat tentang perlantikan Raja Muda.

16. Sultan Ata'Allah Muhammad Shah II

- 17.Sultan Abdullah Muazzam Shah
- 18.Sultan Ahmad Tajuddin Halim Shah
- 19.Sultan Muhammad Jiwa Zainal Azilin II

Kisah Mahsuri dikatakan berlaku semasa baginda memerintah. Kedah juga dilanda perang saudara. Baginda meminta bantuan Raja Bugis lima bersaudara untuk melawan adinda baginda yang dibantu Raja Kechil dari Siak. Pada tahun 1772 baginda terpaksa menerima tawaran Inggeris untuk memajak tanah di Kota Kuala Kedah.


- 20.Sultan Abdullah al-Mukarram Shah
(mangkat: 1804)

Perjanjian yang melepaskan Pulau Pinang ke tangan Inggeris ditandatangani pada 17 Julai 1786, disusuli pelepasan Seberang Perai pada 1 Mei 1791.

- 21.Sultan Ahmad Tajuddin Halim Shah II
(memerintah: 1804-43)

Sultan Ahmad Tajuddin mewarisi takhta ketika masih kecil. Tugas istana dipangku oleh bapa saudara baginda Tunku Ziauddin (bergelar Sultan Ziauddin al-Mukarram Shah) sehingga baginda dewasa. Pada tahun 1818 baginda menyerang Perak atas desakan Siam. Tiga tahun kemudian Kedah sendiri diserang Siam.

- 22.Sultan Zainal Rashid Muazzam Shah
(memerintah: 1843-53)
- 23.Sultan Ahmad Tajuddin al-Mukarram Shah
(memerintah: 1853-79)
- 24.Sultan Zainal Rashid Muazzam Shah II
(memerintah: 1879-81)
- 25.Sultan Abdul Hamid Halim Shah
(memerintah: 1881-1943)



Utusan Siam menghadap sultan

26.Sultan Badlishah (memerintah: 1943-58)

27.Sultan Abdul Halim Muazzam Shah.

Kerajaan Kedah nyata lebih tua daripada Kerajaan Melaka. Namun begitu Kedah pernah bernaung di bawah kekuasaan Melaka. Pergantungan Kedah kepada kuasa Melaka itu bukan suatu hal yang merugikan. Kekuatan Melaka membebaskan Kedah daripada ancaman raja Siam. Maka, apabila Melaka jatuh ke tangan Portugis, kerajaan Kedah kembali terancam. Ancaman kali ini lebih hebat dan datang dari

tiga penjur: Melaka (Portugis), Aceh dan Siam. Akhirnya Kedah terpaksa tunduk kepada Siam dan menghantar ufti 'Bunga Emas' kepada rajanya.

Daripada segi ekonomi, bertepatan dengan gelaran Kedah sebagai jelapang padi negara, pembangunan sektor pertanian telah diberi perhatian utama oleh kerajaan. Pada tahun 1970, dilaksanakan Rancangan Pengairan Muda, rancangan pengairan yang terbesar di Malaysia yang bertujuan untuk meluaskan kawasan penanaman padi di Kedah. Namun sejarah pengairan kawasan tani di negeri ini bermula lebih awal dari itu.



Wan Mat Saman

Terusan atau tali air yang pertama di Kedah dibina antara tahun 1661 dan 1687. Terusan tersebut mengairi kawasan sawah padi yang luas ke utara Sungai Kedah, menyambungkan Kayang di Perlis dan Anak Bukit, berhampiran dengan Alor Setar.

Sementara itu, terusan yang termasyhur di Kedah pula ialah terusan Wan Mat Saman. Terusan ini digali dalam tahun 1885. Pembinaan terusan ini memakan masa sepuluh tahun. Panjang terusan ini 35.2 kilometer, lebarnya 7.2 meter dan dalamnya 1.5 meter. Terusan ini bermula dari tebing Sungai Kedah di Alor Setar dan berakhir berdekatan dengan Gunung Jerai di Yan.



Mukim Bakai

Kedudukan Mukim Bakai agak terpencil berbanding dengan mukim-mukim lain di Daerah Baling, iaitu Tawar, Kupang, Pulai, Bongor dan Siung. Mengikut dongeng, asal usul Mukim Bakai dikaitkan dengan kemurkaan Sultan Abdul Hamid kepada panglima Tok Dotan yang menguasai tiga buah kampung, iaitu Kampung Surau, Kampung Banggul Enggok dan Kampung Selarung.

Pada masa dahulu semua penduduk negeri Kedah, termasuk penduduk Kampung Bakai (yang ketika itu belum bernama), dikehendaki membayar cukai kepada

sultan. Mereka membayar cukai itu dalam pelbagai bentuk seperti beras dan barang-barang berharga. Cukai itu dipungut pada setiap hujung bulan oleh pegawai-pegawai yang dilantik oleh sultan.

Penduduk Kampung Bakai dan juga kampung-kampung lain tidak membantah pemungutan cukai itu. Mereka memberikan taat setia yang tidak berbelah bahagi kepada sultan. Perintah sultan mesti dipatuhi. Jika mereka enggan memberi, bererti mereka menderhaka kepada sultan. Mereka memberi apa saja yang termampu dan dirasakan patut. Sekian tahun pengawal sultan mengutip cukai tanpa menghadapi masalah kerana tidak ada rakyat yang ingkar.

Kampung Banggul Enggok dikuasai oleh Tok Dotan, seorang panglima yang berpengaruh di situ. Tok Dotan amat disukai penduduk kampung tersebut. Dia peramah dan pemurah. Tubuh badannya tegap, sasa dan gagah. Misainya tebal melintang muka, bagaikan dia orang yang sangat garang. Memang dia mempunyai ilmu batin dan handal bersilat.

Pada suatu hari, pengawal-pengawal sultan datang berjumpa dengannya untuk mendapatkan cukai. Seperti biasa Tok Dotan tidak membantah. Dia menyambut mereka dengan baik. Dia membayar cukai yang diminta. Akan tetapi kali ini bentuk bayaran cukai Tok Dotan berlainan sekali. Bayarannya itu berbentuk kain cawat yang diperbuat daripada tempurung kelapa. Cawat tempurung itu biasanya digunakan oleh kanak-



kanak perempuan untuk menutup kemaluan mereka ketika sukar mendapatkan kain.

Apabila pengawal-pengawal itu menerima pemberian Tok Dotan itu mereka tidak berkata barang sepuas tetapi segera pulang ke istana untuk menyerahkan hadiah itu kepada sultan. Seperti yang disangka, sultan naik murka sebaik sahaja baginda melihat hadiah itu.

"Nampaknya hadiah daripada Panglima Tok Dotan ini bertujuan menyindir beta. Hendak mempermain-mainkan beta," titah sultan dengan marahnya.


Seluruh balai sunyi sepi. Tiada sesiapa yang berani bersuara.

“Apakah seorang sultan yang berkuasa tidak mempunyai harta benda, sehingga terpaksa memintaminta kepada rakyat miskin?” sambung baginda seolah-olah melafazkan sindiran Tok Dotan.

Baginda berfikir sejurus. Masih tiada sesiapa yang berani bersuara.

“Baiklah, esok beta akan menemui panglima Tok Dotan untuk bertanya akan sebab beliau memberi hadiah ini kepada beta,” titah sultan kepada pengawal-pengawal baginda.

Pada keesokannya baginda sultan bersama-sama hulubalang dan panglimanya berangkat ke Kampung Banggul Enggok. Tujuannya ialah untuk mendapatkan penjelasan daripada Tok Dotan dan jika dia tidak dapat memberi alasan yang baik dia akan ditangkap.



Baginda sultan berangkat ke sana dengan menaiki gajah. Apabila sampai di Kampung Banggul Enggok sultan memerintahkan supaya hulubalang dan panglimanya menangkap Tok Dotan. Akan tetapi Tok Dotan sudah menduga bahawa pemberiannya itu pasti menimbulkan kemurkaan sultan. Oleh sebab itu dia telah lari meninggalkan kampung itu terlebih dahulu, untuk menyelamatkan dirinya.

Seruan sultan supaya Tok Dotan keluar dari rumahnya tidak berjawab. Sultan bertambah murka apabila mengetahui bahawa Tok Dotan sudah melarikan diri.

“Bakar rumah ini dan semua tanaman di sekelilingnya,” titah baginda.

Maka terbakarlah segala kebun getah dan tanaman Tok Dotan setelah ditunu oleh pengawal sultan. Selepas peristiwa itu kampung Tok Dotan mula dikenali sebagai ‘padang terbakar’ kerana semua tanaman musnah dan ranap menjadi padang arang dan abu. Padang Terbakar masih wujud di Mukim Bakai.

Sebenarnya Tok Dotan telah lari ke kampung yang kemudian dinamakan Kampung Hangus di Mukim Kupang. Walaupun rumah dan tanaman Tok Dotan semuanya musnah sultan masih tidak berpuas hati selagi Tok Dotan sendiri tidak tertangkap. Setelah mendapat berita bahawa Tok Dotan berada di Kampung Hangus baginda dan panglimanya terus berangkat menuju ke sana.

Sekali lagi rombongan baginda gagal menangkap Tok Dotan kerana dia sudah tiada di situ. Tok Dotan sudah mengetahui rancangan sultan itu. Dia telah melarikan diri ke sempadan Siam sebelum sultan sampai ke Kampung Hangus. Sekali lagi baginda memerintahkan panglima dan para pengawalanya supaya membakar kampung itu sehingga hangus menjadi padang jarak padang tekukur. Namun, pembakaran kali kedua itu juga masih belum memuaskan hati baginda.



Sultan beserta panglima dan para pengawalanya terus menjejaki Tok Dotan hingga ke sempadan Siam. Di sana rombongan sultan telah berjaya mengepung Tok Dotan. Walau bagaimanapun, ketika mereka hendak menangkap panglima itu sultan telah terlihat seekor ular yang besar di tengah-tengah jalan berhampiran dengan Tok Dotan. Sultan terperanjat besar lalu jatuh pingsan. Sekali lagi Tok Dotan terlepas.

Baginda kemudian dibawa pulang ke istana untuk dirawat. Dengan itu berkuburlah hasrat baginda untuk menangkap Tok Dotan.

Sejak dari peristiwa itu cerita tentang kegagahan dan kepintaran Tok Dotan melepaskan diri daripada buruan dan kepungan baginda sultan telah menjadi buah mulut orang di mana-mana sahaja, terutama di Mukim Bakai. Dengan mengambil sempena peristiwa sultan membakar kebun dan rumah Tok Dotan itu, kawasan di sekitar perkampungan Banggul Enggok kemudian disebut ramai sebagai 'Bakar'.

Apabila keadaan telah pulih, kerajaan negeri mengenal pasti beberapa kampung di kawasan itu untuk dijadikan sebuah mukim. Sehubungan itu kerajaan negeri telah mengesan kisah kemurkaan sultan terhadap Tok Dotan. Walau bagaimanapun, kerajaan mendapati bahawa nama 'Bakar' tidak sesuai digunakan. Yang lebih sesuai ialah 'Bakai' dan keputusan pun dibuat untuk menamakan mukim itu Mukim Bakai.

Perkataan 'bakai' itu timbul daripada perkataan 'bangkai' yang membawa makna perbuatan busuk, untuk merujuk kepada penentangan Tok Dotan terhadap sultan. Kemudian perkataan 'bangkai' itu juga difikirkan keterlaluan dan ditukarkan kepada 'bakai'.

Akan tetapi, penduduk kampung yang sekarang dikenali sebagai Kampung Mergong tidak menghilangkan penat lelah mereka dengan mengadakan pesta. Ini kerana di kampung mereka itu ada orang yang sangat alim yang dipanggil Tok Guru. Nama Tok Guru sebenarnya ialah Haji Hamzah.

Banyak orang yang datang untuk belajar ilmu agama daripada Tok Guru. Murid-murid Tok Guru tidak semuanya penduduk tempatan. Sebaliknya ada yang datang dari Indonesia, Pattani, Johor dan negeri-negeri lain yang berjiran dengan Kedah. Mereka yang datang itu membina pondok-pondok kecil di situ untuk dijadikan tempat kediaman.

Tidak semua yang datang ke kampung Tok Guru itu mempunyai niat yang murni untuk belajar agama. Selain murid tulen, ada juga yang datang dengan muslihat untuk mencari perlindungan, supaya tidak ditangkap oleh pihak berkuasa atau dikesan oleh musuh. Mereka menyamar sebagai murid Tok Guru kerana biasanya pihak berkuasa tidak mengganggu kampung itu. Ini disebabkan Tok Guru sangat dihormati dan orang yang datang untuk berguru dengannya semuanya dianggap orang baik.

Tok Guru menyedari bahawa di kampungnya itu ada murid palsu. Beliau juga tahu bahawa setengah-setengah murid palsu itu memang tidak pernah diajar tentang erti kebaikan. Mereka memerlukan pertolongannya. Jadi, dengan kebijaksanaan Tok Guru,

ramai di antara murid palsu itu akhirnya berjaya diinsafkan sehingga mereka terus meninggalkan kerja-kerja jenayah dan menjadi orang baik.

Suatu hari, ketika orang Kampung Mergong sedang berehat-rehat setelah penat bekerja di sawah tiba-tiba terdengar bunyi paluan gong dari kejauhan. Semakin lama semakin dekat kedengaran bunyi paluan gong itu. Mereka yang baru berguru di situ hairan akan kejadian itu. Bunyi gong yang bertalu-talu itu perkara baru bagi mereka. Ada yang berasa cemas kerana kluatir paluan gong itu mengiringi kedatangan pasukan keselamatan.

Bagi penduduk kampung itu, paluan gong itu suatu perkara biasa. Mereka tahu bunyi gong itu menandakan kumpulan makyung dari Pattani sedang dalam perjalanan melintasi kampung mereka untuk mangadakan pertunjukan di kampung lain. Kumpulan makyung itu tidak membuat pertunjukan di Kampung Mergong kerana menghormati usaha Tok Guru. Gong itu dipalu bertalu-talu hanya untuk mengumumkan kehadiran mereka dan juga sebagai tanda hormat kepada Tok Guru. Paluan gong itu diulangi ketika mereka melintasi kampung itu sekali lagi dalam perjalanan pulang ke Pattani.

Kumpulan makyung seramai tiga belas orang itu berhenti sekejap di Kampung Mergong untuk menghilangkan penat setelah beberapa hari berjalan kaki. Ketika itu Kampung Mergong masih tidak bernama. Mereka cuma mengenali kawasan penempatan itu

sebagai Pondok Tok Guru Haji Hamzah. Oleh kerana kumpulan makyung Pattani itu melintasi kampung itu setiap tahun dan setiap kali itu juga mereka memukul gong, lama-kelamaan mereka merujuk kepada kampung itu sebagai Kampung Gong.

Anggota kumpulan makyung itu sering juga bercerita kepada sahabat handai mereka di Pattani tentang Kampung Gong dan Tok Guru yang dianggap keramat itu. Lama-kelamaan 'gong' dalam nama kampung itu berubah menjadi 'mergong'.


Ketika itu penduduk tempatan masih menggunakan nama Pondok Tok Guru Haji Hamzah. Mereka mula menggunakan 'mergong' hanya setelah Tok Haji Hamzah meninggal dunia, bilamana bilangan pondok di kampung itu juga berkurangan. Akhirnya bilangan pondok di situ sama seperti di kampung-kampung lain. 'Kampung Mergong' beransur-ansur menggantikan 'Pondok Tok Guru Haji Hamzah'. Namun begitu, sejak Tok Guru memulakan kelas agamanya kawasan Kampung Mergong mula membesar. Kini kawasan itu terbahagi kepada beberapa buah kampung kecil, termasuk Kampung Hujung Mergong dan Kampung Mergong Hilir.

Ada satu cerita lain yang dikaitkan dengan asal nama 'Mergong'. Dahulu, Kampung Mergong berada di pertengahan laluan pengembara dan pedagang yang berulang-alik di antara Kedah dan Pattani. Hal ini menyebabkan Mergong sangat terkenal pada masa itu.

Pada suatu hari, dua orang sahabat dari Pattani yang sedang dalam perjalanan ke selatan berhenti rehat di bawah satu pohon yang rendang di kampung itu. Sambil berehat mereka mengisi perut mereka yang kosong. Seperti biasa, setelah menikmati makanan tengah hari seorang daripada lelaki itu mengeluarkan seikat daun rokok nipah dari sakunya. Sebelum menggulungkan daun rokok itu, lelaki tersebut mengeluarkan bungkusan tembakau pula dari sakunya. Dia sangat hampa apabila mendapati tembakaunya telah habis dan bekalan baru terlupa dibeli.



Lelaki itu terus meminta tembakau daripada kawannya. Malangnya kawannya itu juga telah kehabisan tembakau. Sambil menggelengkan kepala kawannya berkata dalam bahasa Siam: "Mer gong!" Maksudnya, tidak ada (mer) tembakau (gong). Sejak dari peristiwa itu, kampung tersebut telah dikenali dengan nama Kampung Mergong.



Langkawi

Negeri Kedah dianugerahi 99 buah pulau di perairannya. Daripada jumlah yang besar itu, 65 buah pulau berada di dalam gugusan Langkawi yang sangat terkenal kerana kecantikan alam semula jadinya. Pekan Kuah, pusat pentadbiran daerah, telah banyak berubah rupa kerana sering dikunjungi pelancong. Dari Kuah, pelancong boleh menaiki bot mengelilingi pulau-pulau di situ untuk menikmati keindahan pemandangannya.

Pulau yang terbesar di dalam gugusan Langkawi ialah Pulau Langkawi, diikuti Pulau Dayang Bunting. Pulau-pulau utama yang lain termasuk Pulau Tuba, Pulau

Timon, Pulau Beras Basah, Pulau Singa Besar, Pulau Rebak, Pulau Langgon dan Pulau Tepor.

Pada zaman dahulu, pulau-pulau ini dikatakan tempat tinggal segala hantu dan mambang. Mengikut *Hikayat Merong Maha Wangsa*, pulau-pulau ini juga dijadikan sarang oleh seekor geroda. Geroda ini binatang tunggal di Pulau Langkawi. Burung raksasa inilah yang bertanggungjawab mendatangkan malapetaka kepada angkatan laut putera Merong Maha Wangsa sehingga semua kapal angkatan laut itu tenggelam.

Cerita tentang putera raja dan geroda itu membayangkan bahawa Langkawi telah lama ditemui manusia. Laksamana Cheng Ho dalam peta pelayarannya ke Melaka dalam tahun 1405 ada menunjukkan kepulauan Langkawi yang tercatat sebagai *Lung-ya-Kiao-yi*. Peta-peta abad keenam belas pula menyebut Langkawi dengan pelbagai nama lain, termasuk *Langa*, *Langka*, *Langu*, *Langura* dan *Langapura*.

Kemasyhuran Pulau Langkawi bukan hanya disebabkan keindahan tempat pelancongannya tetapi juga oleh kerana terpicat dengan legenda Mahsuri.

Pandak Maya bersama isterinya Mak Endak tinggal di Kampung Ulu Melaka, Pulau Langkawi. Mereka hidup dalam kemiskinan. Untuk memberi makan kepada keluarganya Pandak Maya melakukan apa sahaja pekerjaan yang diketahuinya, termasuk mengambil upah mengerjakan sawah, berkebun dan mencari hasil hutan untuk dijual.

Apabila nasibnya di Ulu Melaka tidak berubah-ubah, Pandak Maya berpindah ke Kampung Mawat dan membuka sawah dan ladang daripada hutan di situ.

Pada suatu hari, Pandak Maya pergi mencari kerbau-nya yang hilang. Ketika mencari kerbau-nya itu, tiba-tiba dia terdengar suara bayi menangis. Dia segera meninjau kawasan di sekelilingnya untuk mencari bayi itu. Setelah puas mencari, akhirnya dia sedar bahawa suara itu datang dari kerak nasi bekalannya. Pandak Maya berasa sungguh hairan. Dia membawa bekalnya itu pulang untuk ditunjukkan kepada isterinya.

"Mak Endak dia, tengok kerak nasi ni!" jerit Pandak Maya ketika dia menghampiri terataknya.

Mak Endak tidak menjawab. "Tak sampai sekerat hari sudah balik," bisik hati Mak Endak dengan geram.

"Mak Endak oii, tengok ni!" jerit Pandak Maya lagi.

Kali ini Mak Endak menjerit balas dengan menyindir: "Dah jumpa kerbau tu?! Matahari belum berdiri, awak dah balik pun. Dikejar hantu agaknya!"

Membebel bukan kegemaran Mak Endak. Akan tetapi kehilangan kerbau mereka itu sangat dirasai kerugiannya. Dia tidak mahu suaminya mengambil sikap acuh tidak acuh mencari binatang itu.

"Ya, hantu!" sergah Pandak Maya bergurau ketika menjengukkan kepalanya di pintu dapur. "Ini, hantu di dalam nasi yang awak bekalkan kepada saya."

Mak Endak meneliti kerak nasi itu dengan penuh hairan. Kemudian Mak Endak senyum. Pandak Maya tercengang.

“Ini bukan suara bayi menangis tetapi suara semangat padi,” jelas Mak Endak dengan gembira. “Semangat padi ini dipanggil *Maya Padi*.”



Sejak mendapat kerak nasi itu rezeki Pandak Maya bertambah. Misalnya, di gua-gua batu di pulau itu dia telah menjumpai beberapa banyak sarang burung yang sangat dihargai kerana boleh dijadikan ubat. Pandak Maya menjual sarang-sarang burung yang dikutipnya itu kepada Ah Pek, tauke Cina dari Pulau Pinang.

Selain daripada itu, tanaman Pandak Maya semakin menjadi, binatang ternakannya juga bertambah banyak hasilnya. Keluarga Pandak Maya beruntung besar. Lama-kelamaan Pandak Maya menjadi kaya-raya dan dikenali ramai.

Salah satu bahan yang ditemui oleh Pandak Maya ialah ketul-ketul batu yang disebut kemenyan. Tempat bahan itu ditemui kini dipanggil Lubuk Kemenyan.

Bagi Mak Endah, setiap kali dia menanak nasi, dimasukkan sedikit kerak nasi ganjil itu untuk memastikan rezekinya berterusan. Mungkin disebabkan kerak nasi itu juga, tidak lama kemudian Mak Endah pun hamil. Setelah sembilan bulan mengandung Mak Endah melahirkan bayi perempuan yang sangat comel yang diberi nama Mahsuri. Sejak dilahirkan, Mahsuri sentiasa dimandikan di sebuah perigi yang terdapat di sisi rumah mereka. Perigi itu kini dikenali sebagai Perigi Mahsuri.

Mahsuri membesar menjadi gadis yang cantik. Kecantikannya tidak dapat ditandingi oleh anak-anak gadis lain di pulau itu. Dia juga sangat disenangi penduduk kampung kerana dia lemah lembut, peramah dan suka memberi pertolongan kepada orang miskin.

Cerita tentang kecantikan Mashuri itu telah menarik perhatian Dato' Seri Kerma Jaya, penghulu Langkawi. Bersama-sama beberapa orang pengikutnya Dato' Seri Kerma Jaya berkunjung ke Kampung Mawat untuk mengesahkan kebenaran cerita tentang keayuan

Mahsuri. Setelah melihat paras rupa Mashuri, Dato' Seri Kerma Jaya terus jatuh cinta. Dia bercadang menjadikan Mashuri isteri mudanya.

Hasrat Dato' Kerma Jaya itu ditentang oleh isterinya Wan Mahura. Akhirnya Dato Seri Kerma Jaya ber-setuju menjodohkan Mahsuri dengan adiknya Mat Darus, seorang pahlawan Langkawi. Setelah berkahwin, Mahsuri dan Mat Darus menetap di Padang Matsirat. Kebahagiaan Mahsuri bersama-sama suaminya hanya untuk sementara. Mat Darus telah diperintahkan keluar berperang melawan Siam di tanah besar bersama-sama pahlawan Kedah yang lain.

Semasa ketiadaan suaminya, Mahsuri telah dihantar balik ke rumah ayah dan ibunya di Kampung Mawat. Tidak lama kemudian Mashuri melahirkan anak lelaki. Tinggallah Mahsuri menjaga anak kesayangannya itu sambil menunggu kepulangan suaminya.

Pada suatu hari, datang seorang pengembara yang bernama Deramang. Deramang berasal dari Batu Bara, Indonesia. Deramang pemuda yang kacak dan mempunyai suara yang merdu. Dia pandai berseloka dan bersyair. Sifatnya yang lemah lembut memikat hati penduduk kampung, termasuk keluarga Pandak Maya yang mempelawa Deramang tinggal di rumahnya.

Kehadiran Deramang amat bererti bagi Mahsuri kerana ketika itu dia kesunyian setelah beberapa lama ditinggalkan oleh suaminya. Rumah Pandak Maya menjadi tumpuan orang ramai yang datang untuk mendengar



Deramang bersyair dan bercerita. Sejak itu nama Deramang sering disebut senafas dengan nama Mahsuri.

Sementara itu, perhubungan rapat antara Mahsuri dengan Deramang amat menyakitkan hati Wan Mahura isteri Tok Penghulu. Dia cemburu pada perhatian dan sanjungan yang diberikan oleh penduduk kampung kepada Deramang. Wan Mahura berasa sebagai isteri penghulu dialah yang sepatutnya mendapat perhatian penduduk kampung itu. Hatinya bertambah sakit apabila teringat bahawa suaminya dahulu pernah berhasrat untuk mengahwini Mahsuri.

Wan Mahura pun sengaja menyebarkan fitnah untuk memburuk-burukkan nama Mahsuri. Dia menuduh Mahsuri dan Deramang berbuat jahat. Dia mengadu kepada suaminya tentang hubungan Mahsuri dengan Deramang. Dato' Kerma Jaya yang termakan kata-kata isterinya itu mengarahkan supaya mereka ditangkap.

Deramang sempat melarikan diri. Mahsuri tidak. Mahsuri ditangkap dan dibawa ke Padang Matsirat. Dia diikat pada sebatang pokok asam untuk dikenakan hukuman. Walaupun Mahsuri merayu supaya dibebaskan tetapi rayuannya itu langsung tidak dihiraukan. Malahan permintaan Mahsuri untuk melihat anaknya juga ditolak. Ayah Mahsuri dikatakan membawa emas dan perak yang banyak untuk membebaskan anaknya, tetapi usahanya itu gagal. Dato' Kerma Jaya tetap dengan pendiriannya mahu menghukum Mahsuri.

Pada masa Mahsuri hendak dibunuh berlakulah satu peristiwa ganjil. Tombak yang digunakan untuk membunuh Mahsuri tidak dapat melukai dan menembusi badannya. Orang ramai yang menyaksikan peristiwa itu berpendapat bahawa keganjilan itu menandakan hukuman Dato' Kerma Jaya tidak adil. Namun tidak ada orang yang berani membela Mahsuri.

Akhirnya Mahsuri memberitahu, jika mereka hendak membunuhnya mereka mestilah menggunakan tombak pusaka kepunyaan keluarganya sendiri yang tersimpan di rumahnya. Benar seperti yang dikatakannya, senjata itu berupaya melukai dan menewaskan Mahsuri.

Darah putih memancut keluar dari tubuh Mahsuri. Menurut cerita, darah putih itu tidak jatuh ke bumi tetapi hilang begitu sahaja. Sebelum menghembuskan nafasnya yang terakhir, Mahsuri telah menyumpah penduduk di situ agar tidak akan hidup senang selama tujuh keturunan.

Sumpah Mahsuri termakbul. Tidak lama selepas peristiwa itu angkatan Siam datang menyerang Langkawi. Dato' Kerma Jaya memerintahkan supaya penduduk Langkawi menanam beras mereka di dalam tanah. Dengan demikian diharapkan tentera Siam susah mendapat bekalan makanan.



Angkatan Siam berjaya membunuh Dato' Kerma Jaya. Ramai penduduk Langkawi yang terbunuh atau tertawan. Semua hasil tanaman penduduk dimusnahkan. Di sana sini berlaku kebakaran. Di Padang Matsirat banyak beras yang hangus terbakar. Hari ini kita masih boleh melihat kesan beras yang terbakar itu.



Pulau Dayang Bunting

Pulau Dayang Bunting adalah pulau yang kedua terbesar dalam gugusan Langkawi. Keindahan pulau ini diserikan dengan sebuah tasik yang permai, Tasik Dayang Bunting.

Menurut cerita, pada masa dahulu terdapat pasangan suami isteri yang telah mendirikan rumahtangga selama lebih 19 tahun tetapi masih belum dikurniakan anak. Mereka berkunjung ke Pulau Dayang Bunting. Di situ mereka berehat di tepi sebuah tasik yang jernih airnya. Untuk menghilangkan rasa dahaga, mereka meminum air tasik itu.



Dengan izin Allah swt, tidak lama selepas berkunjung ke pulau itu si isteri telah hamil. Kemudian kandungannya dilahirkan dengan selamat. Pasangan itu sangat gembira menyambut cahaya mata sulung mereka itu. Orang yang mengetahui tentang kunjungan mereka ke Pulau Dayang Bunting, segera mengaitkan kehamilan si isteri itu dengan air tasik yang telah diminum.

Sejak dari peristiwa itu, tasik berkenaan telah menjadi tumpuan beberapa banyak pasangan suami isteri yang belum berjaya mendapatkan anak. Mereka percaya bahawa air tasik itu pasti bersangkutan dengan legenda yang telah melahirkan nama pulau itu.

Nama 'Dayang Bunting' lahir daripada satu peristiwa yang berlaku beratus-ratus tahun sebelum kunjungan pasangan suami isteri yang bertuah itu. Legenda itu


bermula dengan pelayaran sebuah kapal Siam menuju ke negeri Kedah. Kapal itu membawa seorang raja, permaisurinya dan dayang-dayang pengiring. Tujuan pelayaran mereka ialah untuk melihat negeri-negeri yang berdekatan.

Setelah beberapa hari belayar mereka sampai ke perairan negeri Kedah. Di situ angin mula bertiup kencang. Laut bergelora. Hujan dan petir menyusul.

Akhirnya nakhoda kapal itu tidak dapat mengawal kapalnya lagi. Anak kapal menjerit dan lari bertempir. Di kalangan dayang-dayang, ada seorang yang bunting (hamil). Ketika pelayaran bermula dahulu kandungannya masih kecil tetapi setelah beberapa bulan belayar kandungannya itu sudah hampir penuh.

Dalam keadaan cemas itu, anak kapal tidak lagi menghiraukan nasib dayang tersebut. Mereka hanya mahu menyelamatkan diri sendiri. Akhirnya kapal raja Siam itu pecah selepas dipukul ombak sebesar anak bukit. Semua penumpang kapal itu tercampak ke laut.

Beberapa orang dayang, termasuk dayang yang bunting, dipupuk oleh arus laut hingga terdampar di sebuah pulau yang berhampiran. Mereka membantu menyelamatkan dayang yang sarat mengandung itu. Ketika terkandas di situ, dayang tersebut telah melahirkan kandungannya tetapi sejurus kemudian dia meninggal dunia. Apabila peristiwa pilu itu diketahui umum, pulau itu mula dikenali ramai sebagai Pulau Dayang Bunting.



Pantai Pasir Hitam

Satu tempat yang sering dikunjungi para pelancong di Pulau Langkawi ialah Pantai Pasir Hitam. Sebagaimana yang terbayang pada namanya, pasir pantai ini bewarna hitam, tidak putih atau keemas-emasan seperti pasir di pantai-pantai lain di Pulau Langkawi. Mengapakah pasir pantai ini bewarna hitam?

Pada masa dahulu, Pantai Pasir Hitam didiami orang Siam yang kebanyakannya bekerja sebagai nelayan. Salah seorang nelayan di kampung itu bernama Nakorn Sritammarat. Dia berasal dari Pulau Phuket, tetapi dia sudah lama menetap di Langkawi. Setiap hari dia

memukat ikan di sekeliling pulau-pulau yang terdapat berhampiran dengan kampungnya.

Nakorn turun ke laut seorang diri. Dia turun awal-awal pagi dan pulang lewat petang. Setiap hari dia berbekal untuk mengalas perutnya ketika berada di laut.

Pada suatu hari, nasib Nakorn kurang baik. Matahari sudah berdiri di atas kepalanya, tetapi dia masih gagal menangkap sebarang ikan. Biasanya menjelang waktu itu dia sudah mendapat beberapa bakul ikan.

Setelah berasa penat Nakorn berhenti memukat dan membuka bungkusannya. Nakorn mengalas perutnya sambil mengelamun untuk melupakan kehampaannya pagi itu. Tiba-tiba dia tersentak. Dia terasa ada sesuatu yang tidak kena. Seolah-olah ada sesuatu yang berenang-renang mengelilingi perahunya. Dia berhenti makan dan mengamati keadaan air di seberang bibir perahunya. Memang benar ada sesuatu yang memerhatikannya dari bawah permukaan air itu.

“Kalau tidak ikan yang sangat besar, ini tentunya jerung yang sedang mencari mangsanya,” bisik hatinya. “Ah, pasti jerung. Kalau tidak, mengapa hari ini tidak seekor ikan pun yang mengena pukak aku?”

Termenung Nakorn seketika. Seleranya juga sudah hilang. Makanan yang baru disentuhnya dibungkus semula untuk dibawa pulang. Sambil itu dia merungut: “Aneh, sebelum ini jerung tidak pernah melintas di kawasan ini.”

Nakorn terus berwaspada, takut perahunya terbalik dan nanti dia pula yang menjadi mangsa sang jerung itu. Setelah beberapa lama menunggu akhirnya 'ikan' yang mengelilingi perahunya itu timbul. Nakorn terkejut besar, kerana makhluk yang disangkakan jerung itu sebenarnya manusia. Manusia perempuan pula!

"Dari mana pula perempuan ini datang? Di sini tidak ada perahu lain. Mungkin perahunya telah karam?" Bermacam-macam soalan yang timbul bersama-sama dengan perempuan itu.

Nakorn meneliti perempuan itu dengan penuh kehairanan. Perempuan itu sungguh cantik. Rambutnya panjang terurai. Paras rupanya bagai membayangkan bahawa dia seorang puteri raja.

"Siapa kamu dan dari mana kamu datang?" tanya Nakorn.

Soalannya itu tidak berjawab. Apabila Nakorn meneliti perempuan itu dia mendapati bahawa badan perempuan itu bersisik seperti badan ikan. Perempuan itu tidak berkaki tetapi berekor, juga seperti ikan.

"Wahai manusia, janganlah kamu terkejut. Aku ikan duyung. Aku datang dari Pulau Dayang Bunting," kata makhluk ganjil itu. "Sebelum ini juga manusia seperti kamu."

"Bagaimanakah kamu boleh menjadi begini?" tanya Nakorn dengan penuh minat.

“Panjang ceritanya. Memadailah jika kukatakan aku puteri raja dari Phuket. Aku disumpah oleh ayahku sendiri menjadi ikan duyung kerana melanggar peraturan istana. Dari Phuket aku berenang terus ke Pulau Dayang Bunting.”

Puteri raja Phuket itu merayu kepada Nakorn supaya menolong memulihkannya daripada sumpahan itu. Nakorn berasa sedih akan nasib puteri itu. Dia ber-setuju untuk berusaha mencari jalan memulihkannya. Mereka pun mengikat perjanjian.

“Jika kamu boleh menolong aku, aku akan meng-hadiahkan sebetuk cincin hikmat,” kata puteri raja Phuket itu sambil melucutkan sebetuk cincin dari jarinya. Cincin itu dihulurkan kepada Nakorn. Nakorn menerima hadiah itu dan sekali lagi mengatakan kesanggupannya.

“Jika kamu sanggup menolong aku, kamu boleh menggunakan cincin itu untuk mendapatkan hasil tangkapan ikan yang banyak. Akan tetapi, sekiranya kamu gagal untuk membantu aku, kembalikanlah cincin hikmat itu kepada aku,” kata puteri itu.

Nakorn mengangguk tanda setuju.

“Syarat kedua, jika kamu gagal dan kemudian tidak memulangkan cincin hikmat itu kamu akan melihat pantai di timur Pulau Langkawi ini bertukar rupa. Pasir dan tanah yang putih bersih itu akan bertukar menjadi hitam. Ingat!”

“Di pantai pasir hitam itu nanti kamu akan melihat darah manusia mengalir keluar akibat perang saudara. Ingat syarat itu! Kamu juga akan binasa sekiranya kamu mungkir janji.”

Nakorn kemudian meminta tempoh selama tiga bulan daripada ikan duyung itu untuk mencari penawar. Ikan duyung itu bersetuju. Nakorn Sritammarat pulang dan terus berikhtiar untuk mencari pawang atau bomoh yang berupaya memberi pertolongan.

Nakorn belayar ke utara hingga sampai ke Segenting Kra. Dari sana dia ke Songkhla untuk menemui seorang pawang tua yang seguru dengan bapanya. Nakorn tinggal bersama-sama pawang itu selama dua minggu. Dalam tempoh itu mereka berusaha mencari punca ilmu sihir raja Phuket itu. Akhirnya mereka mendapat tahu rahsia penawar sumpahan tersebut. Untuk memulihkan ikan duyung itu, mereka harus mendapatkan batu karang yang bersirip ikan.

Dengan pengetahuan itu Nakorn pulang ke Langkawi untuk memberitahu ikan duyung itu tentang penemuan mereka. Apabila sampai di tempat yang ditentukan dia menyeru nama ikan duyung itu. Ikan duyung itu pun timbul untuk mendapatkan berita daripada Nakorn.

“Hamba sudah mendapat penawar sihir itu,” kata Nakorn kepada puteri raja Phuket itu.

“Boleh kamu mulakannya?” tanya puteri itu dengan penuh harapan.

“Tetapi ada ramuan yang perlu tuan puteri carikan. Jika tiada, kita tidak dapat memulakannya,” jelas Nakorn.

“Apakah ramuan itu? Segeralah jelaskannya kepada aku,” desak puteri itu.

‘Hamba minta tuan puteri pulang ke Pulau Dayang Bunting untuk mencari batu karang yang bersirip ikan untuk satu istiadat pemujaan,’ kata Nakorn.



Setelah mendengar penjelasan Nakorn puteri raja Phuket itu terus pulang ke Pulau Dayang Bunting. Siang dan malam puteri itu mencari bahan penawar yang diperlukan. Malangnya setelah beberapa hari berlalu dia masih tidak menemuinya.

Akhirnya puteri raja Phuket itu berputus asa dan membuat keputusan untuk kembali menemui Nakorn. Akan tetapi, apabila dia sampai ke tempat pertemuan mereka Nakorn sudah tiada di situ. Berhari-hari lamanya puteri itu menunggu, tetapi Nakorn tidak juga muncul. Resah sungguh hatinya.

Sebenarnya Nakorn juga telah menunggu puteri itu untuk beberapa hari. Apabila puteri itu tidak muncul Nakorn belayar semula ke Songkhla.

Tiga bulan berlalu, Nakorn tidak juga tiba. Sampailah masanya Nakorn memulangkan cincin hikmat itu. Akan tetapi Nakorn yang masih berusaha mencari penawar itu sudah terlupa akan tempoh perjanjiannya.

Maka terjadilah keajaiban pada tempat di utara Pulau Langkawi itu. Pasir pantainya bertukar warna menjadi hitam. Tempat itu kemudian menyaksikan pertempuran antara orang Siam Darat dengan orang Siam Laut. Perang saudara itu menyebabkan tanah bergelumang dengan darah. Namun Nakorn yang berada jauh dari Langkawi tidak menyedari semua kejadian ini.

Setelah beberapa lama tinggal di Songkhla dia kembali ke Langkawi dengan harapan untuk bertemu dengan puteri raja Phuket itu. Namun segala-galanya sudah terlambat. Puteri itu telah melepaskan sumpahnya kerana Nakorn mungkir janji. Apabila Nakorn sampai ke tempat pertemuan pertamanya dengan ikan duyung itu, perahunya karam dan Nakorn jatuh ke laut. Nakorn bertukar menjadi ikan julung-julung hitam.



Kuah

Pekan Kuah adalah pekan yang terbesar di Pulau Langkawi. Pekan ini mendapat namanya lanjutan satu peristiwa yang berlaku beratus-ratus tahun dahulu.

Pada masa itu, terdapat dua orang pahlawan di Langkawi, iaitu pahlawan Mat Raya dan pahlawan Mat Cincang. Mereka sama tangkas dan sama handal. Masing-masing pahlawan ini mempunyai seorang anak yang sudah remaja.

Anak Mak Cincang perempuan manakala anak Mat Raya lelaki. Mereka saling jatuh cinta apabila sudah

meningkat dewasa. Perhubungan mereka mendapat restu kedua-dua orang tua mereka. Seterusnya, perkahwinan mereka juga turut dipersetujui.

Walau bagaimanapun, pada hari perkahwinan itu Mat Cincang dan Mat Raya telah berselisih faham. Kedua-duanya tidak mahu mengaku kalah. Masing-masing mengaku dirinya lebih hebat daripada bakal besannya. Apabila kedua-dua pahlawan itu tidak dapat membendung perasaan mereka, berlakulah satu pergaduhan yang besar.

Mat Cincang dan Mat Raya sudah tidak menghiraukan orang ramai yang sibuk menyiapkan hidangan untuk majlis perkahwinan itu. Masing-masing ghairah untuk menewaskan lawannya. Semasa pergaduhan, mereka melanggar apa saja yang menyekat pergerakan mereka. Pinggan mangkuk dan belanga habis pecah bertaburan.

Ada belanga yang terpelanting jauh dari situ. Tempat itu kini disebut Belanga Pecah. Kuah gulai pula tumpah dan mengalir ke satu tempat lain. Tempat itulah yang menjadi Pekan Kuah.

Dalam pergaduhan itu tidak ada yang menang. Maka oleh kerana malu kepada orang ramai dan anak-anak mereka, akhirnya kedua-dua pahlawan itu lari untuk bertapa di dua buah gua yang berasingan. Mereka mati di sana. Mayat mereka masih belum dijumpai.

Gunung pertapaan Mat Raya disebut Gunung Raya. Gunung yang menjulang ke paras 1,000 meter ini

adalah puncak yang tertinggi di Langkawi. Banyak sejarah dan legenda yang berasal dari Gunung Raya.

Kayu rangka binaan Balai Besar di Alor Setar dikatakan banyak yang diambil dari hutan Gunung Raya. Hutan ini juga menjadi punca rezeki kepada penduduk tempatan. Ada yang datang ke hutan ini untuk mengutip kayu candan, kayu ramuan minyak wangi yang mahal harganya. Ada juga yang datang untuk mencari rotan dan manisan lebah. Nelayan Pulau Langkawi pula menjadikan Gunung Raya sebagai pedoman arah untuk balik ke pangkalan setelah keluar mencari rezeki di laut.

Di samping itu, kebanyakan sungai di Pulau Langkawi bermula dari Gunung Raya. Antara sungai yang hulunya terletak di Gunung Raya itu ialah Sungai Hulu Melaka, Sungai Kisap, Sungai Kilim, Sungai Batu Asah dan Sungai Korok. Air dari sungai-sungai ini sering dikaitkan dengan perjodohan gadis di Langkawi. Apabila seseorang teruna berkahwin dengan gadis Langkawi, teruna itu dikatakan sudah terminum air Gunung Raya.



Kupang

Kupang terletak di pertengahan jalan di antara Baling dan Sungai Petani. Menurut cerita orang tua-tua, nama Kupang berasal daripada bunga suatu pokok yang dikenali sebagai 'kelumpang' yang tumbuh di hulu Sungai Kupang. Pokok itu dijumpai oleh orang tua yang mula-mula meneroka Kupang kira-kira seratus tahun dahulu.

Perkataan 'Kelumpang' agak panjang dan sukar untuk disebut sedangkan perkataan itu sering timbul dalam perbualan harian penduduk tempatan. Oleh sebab itu, lama-kelamaan sebutan 'kelumpang' dengan tidak disedari telah diringkaskan menjadi 'kupang'.

Pekan Kupang terletak di tebing Sungai Kupang. Dahulu, Sungai Kupang menjadi jalan penting bagi pedagang dari Indonesia. Dari Kota Kuala Muda mereka menggunakan sungai untuk pergi ke sebuah gudang yang terletak di Kampung Raja, kampung yang dahulunya dikenali sebagai Bukit Kota.

Para pedagang itu membawa gula, beras, kain, peralatan dapur dan bermacam-macam lagi untuk ditukarkan dengan hasil kerja penduduk kampung-kampung di sekitar Kupang. Penduduk kampung di situ biasanya menawarkan rotan, damar, manisan lebah, pisang salai dan kayu cendana untuk ditukarkan dengan barang-barang keperluan mereka.

Pada masa itu Sungai Kupang juga dikenali dengan nama Sungai Ketil. Pangkalan di Kuala Kupang tidak besar tetapi sangat sibuk dan terkenal. Selepas Perang Dunia Kedua, kedudukan sungai itu sebagai jalan utama bagi para pedagang mulai merosot kerana jalan-jalan darat sudah dirintis. Bilangan pedagang dari Aceh, Kampar, Minangkabau dan Jawa yang berdagang di Kupang juga menurun.

Hari ini Sungai Kupang (Sungai Ketil) tidak lagi menjadi laluan yang penting. Pangkalannya cuma digunakan oleh penduduk tempatan untuk keluar mencari ikan dan sebagai tempat untuk mencuci pakaian.



Bukit Kepala Gajah

Dalam perjalanan dari Bedong ke Pekan Merbok, kita akan melalui tempat yang dikenali sebagai Simpang Pangkalan Bujang. Dari situ kita dapat melihat sebuah bukit yang dilitupi hutan belantara. Bukit itu dipanggil Bukit Kepala Gajah.

Jika diamati, bentuk bukit itu didapati seakan-akan bentuk seekor gajah yang sedang duduk. Kepala dan belalainya menghadap arah selatan. Menurut cerita, nama Bukit Kepala Gajah itu mempunyai kaitan dengan Raja Bersiung. Pada zaman Raja Bersiung gajah merupakan kenderaan yang penting.

Raja Bersiung menggunakan gajah sebagai kenderaan diraja semasa melawat tanah jajahannya atau semasa berperang. Kebanyakan gajah liar yang ditangkap dilatih sebagai kenderaan diraja atau untuk mengangkut barang.

Raja Bersiung menerajui pemerintahannya di Bukit Kota Meriam. Sewaktu melakukan kunjungan rasmi ke daerah-daerah lain di Kedah, baginda mengenderai gajah khas. Beberapa ekor gajah lain digunakan untuk membawa barang mengiringi rombongan baginda.

Satu jalan yang sering dilalui oleh baginda ialah jalan di antara Bedong dan Merbok yang menuju ke Kota Sarang Semut atau Kota Seputih di utara Kedah. Jalan yang sering digunakan oleh Raja Bersiung itu juga jalan yang sering dilalui oleh Sang Kelembai, makhluk yang mempunyai kuasa ajaib.

Setiap kali rombongan diraja menggunakan jalan itu Sang Kelembai pasti melenting. Pertama, rombongan itu sentiasa bising. Kedua, najis gajah dibiarkan bertaburan mengotori jalan. Tidak bertanggungjawab! Setelah putus kesabaran, Sang Kelembai pun bertekad hendak menyumpah rombongan Raja Bersiung itu jika mereka masih menggunakan jalan itu.

Pada suatu hari datanglah rombongan Raja Bersiung dalam perjalanan mereka menuju ke Kota Sarang Semut. Sang Kelembai menunggu mereka di pertengahan jalan. Apabila mereka menghampiri keduanya, Sang Kelambai terus menuding ke arah

rombongan itu. Sang Kelembai cuma perlu menuding ke arah sesuatu benda untuk menukarkan benda itu kepada batu.

Walau bagaimanapun, sumpahan Sang Kelembai kali ini hanya terkena pada salah seekor gajah pengiring raja. Dengan serta-merta gajah itu menjadi batu. Bukit itu mengekalkan bentuk kepala gajah. Sejak dari peristiwa itu, tempat dan bukit itu disebut sebagai Bukit Kepala Gajah.

Hari ini Bukit Kepala Gajah menjadi tumpuan penduduk kampung yang kerjanya mencari hasil hutan seperti rotan, buluh dan akar-akar kayu ramuan ubat-ubatan tradisional. Pelbagai jenis anggerik juga terdapat di bukit ini.

Di kaki bukit ini terdapat sebuah tasik yang tenang dan jernih airnya. Tasik ini dinamakan Tasik Tupah. Ramai orang yang datang untuk berkelah di tasik ini pada hujung minggu.



Baling

Daerah Baling, di pedalaman negeri Kedah, terdiri daripada enam mukim, iaitu Mukim Tawar, Mukim Pulai, Mukim Kupang, Mukim Teloi Kanan, Mukim Bongor dan Mukim Siung. Kebanyakan penduduk daerah ini bersawah padi dan menoreh getah. Bandar ibu daerah ini juga bernama Baling.

Ada pelbagai cerita tentang kemunculan nama Baling, termasuk yang dikaitkan dengan Raja Bersiung, raja keempat daripada keturunan Merong Maha Wangsa. Raja Bersiung gemar memakan sayur bayam dengan kuah darah manusia. Baginda melarikan diri setelah kegemarannya yang menjijikkan itu diketahui rakyat.

Ketika Raja Bersiung lari daripada kepungan menteri dan rakyatnya, baginda terpaksa berhenti beberapa kali kerana menderita sakit gigi taring atau siungnya. Apabila kesakitannya itu tidak reda-reda, baginda mengambil keputusan untuk mencabut siungnya itu. Namun siung itu masih kejam dan tidak mudah dicabut. Sudah beberapa kali baginda menjerit kesakitan ketika cuba untuk mencabutnya. Apabila siung itu akhirnya berjaya dicabut baginda terus membalingnya jauh-jauh, tanda marah. Tempat siung itu jatuh dinamakan 'Baling'.

Dalam cerita kedua, nama Baling dikaitkan dengan orang Siam (Thai) dan orang Burma (Myanmar) yang datang ke daerah itu kira-kira dua ratus tahun dahulu. Mereka datang ke Baling kerana ingin memulakan penghidupan baru. Setelah merentasi pelbagai jenis rintangan mereka sampai ke Baling dan membuat keputusan untuk membuka kawasan hutan di situ. Mereka bergotong-royong menebang hutan dan belukar untuk memulakan penempatan baru. Untuk menyara hidup, mereka bercucuk tanam, berniaga dan membawa sampan penambang. Ada juga di kalangan mereka yang mencari kayu di hutan dengan menggunakan gajah.

Sungai Ketil yang pada masa itu dalam dan luas, menjadi alat perhubungan utama penduduk tempatan. Sungai itu juga kaya dengan ikan. Sampan-sampan dari Kota Kuala Muda yang sarat dengan barang-barang dagangan banyak yang berlabuh di tempat itu. Pangkalan di kawasan penempatan baru itu juga

dijadikan tempat memunggah candu mentah yang dibawa dari Burma untuk dijual di Kota Kuala Muda.

Bagi penduduk yang bertani, tanaman mereka sangat berhasil. Mereka gembira melihat sayur-sayuran dan buah-buahan yang begitu menjadi. Akan tetapi, kegembiraan mereka tidak kekal lama. Buah-buahan mereka seperti langsung, rambutan dan durian diserang oleh beribu-ribu kera yang dikatakan datang dari hutan Gunung Baling. Binatang-binatang itu bebas memakan dan memusnahkan buah-buahan mereka. Setelah habis musim buah-buahan, binatang-binatang itu balik ke hutan Gunung Baling.



Oleh sebab kaum pendatang itu tidak pernah melihat kera yang begitu banyak mereka menamakan kampung mereka *Ban-Lin* yang bererti 'kera'. Lama-kelamaan perkataan *Ban-Lin* bertukar menjadi 'Baling'.



Langgar

Langgar terletak kira-kira sembilan kilometer dari bandar Alor Setar. Nama 'Langgar' terbit daripada peristiwa tentera Siam menyerang Kedah. Kawasan Langgar menjadi medan pertempuran tersebut. Untuk menyekat kemaraan tentera Siam ke Alor Setar, benteng-benteng pertahanan telah didirikan. Tidak lama dahulu dapat dilihat kesan-kesan timbunan tanah yang dijadikan kota atau kubu pertahanan itu.

Kini Langgar dikaitkan dengan Makam Diraja Kedah. Pahlawan-pahlawan Kedah yang menentang penjajah juga banyak yang dikebumikan di sini.



Teluk Sira

Kampung Teluk Sira terletak di Mukim Pulai, Baling. Nama kampung ini dikaitkan dengan air yang keluar daripada satu batu yang dijumpai tertanam di hujung kampung sewaktu penerokaannya 200 tahun lalu.

Air yang tidak henti-henti keluar daripada batu itu menghairankan penduduk kampung. Air itu bukan air biasa. Walaupun jernih dan boleh diminum, air itu berasa payau dan berbau sedikit. Lembu dan kerbau menggemarinya. Haiwan yang pernah meminum air itu akan ketagih dan sentiasa pergi ke situ apabila dahaga.

Air itu dinamakan 'air sira'. Perkataan 'teluk' muncul berdasarkan keadaan di persekitaran batu itu yang berbentuk seperti sebuah teluk. Dengan itu penduduk kampung menyebut tempat itu sebagai Teluk Sira.



Pendang

Pekan Pendang dibuka pada sekitar tahun 1800. Nama 'Pendang' dipercayai lahir daripada 'peniat', perkataan Siam yang bermaksud tempat menangkap gajah. Dahulu, gajah liar banyak di kawasan Pendang.

Menangkap gajah bukan perkara mudah. Satu parit yang panjang diperlukan untuk memerangkap gajah. Parit itu digali dengan ukuran lebarnya cukup-cukup untuk memuatkan seekor gajah. Gajah dikepung dan didorong supaya masuk ke dalam parit itu. Apabila gajah sudah berada di dalam parit, bahagian parit di belakang gajah itu segera ditimbus dengan tanah.

Dengan demikian gajah itu tidak dapat mundur untuk keluar dari parit itu. Sebaliknya gajah itu terpaksa mara kerana diasak oleh tanah timbusan di belakangnya. Gajah yang terhimpit itu dipaksa mara hingga sampai ke peniat, tempat memberkas gajah di hujung parit itu.

Pada setiap musim menangkap gajah diadakan satu pesta berhampiran dengan peniat itu. Para pengunjung pesta dipersembahkan dengan pelbagai permainan tradisi seperti makyung, menora dan berlaga ayam. Secara keseluruhannya pesta tersebut sangat meriah, namun adakala berlaku juga pergaduhan. Pergaduhan itu pula sering berakhir dengan pertumpahan darah kerana pengunjung tidak dilarang daripada membawa senjata seperti parang dan golok.

Pengunjung pesta di peniat itu tidak terdiri daripada orang tempatan sahaja. Sebaliknya, mereka datang dari segenap pelosok negeri Kedah dan bertutur dengan pelbagai pelat daerah. Daripada kepelbagaian pelat bahasa itu akhirnya perkataan 'peniat' berubah menjadi 'padang'. Lama-kelamaan perkataan 'padang' itu juga telah berubah, menjadi 'pendang'. Pendang kekal sebagai nama tempat menangkap gajah itu.

Biasanya gajah dari hutan Pendang dilatih sebagai binatang kenderaan pembesar-pembesar negeri. Gajah kuat, tahan lasak dan ditakuti binatang-binatang buas yang lain. Ciri-ciri ini menjadikan gajah kenderaan pengembara dan peredah hutan yang sangat sesuai.



Alor Setar

Alor Setar sudah sekian lama berfungsi sebagai pusat pentadbiran negeri Kedah. Pada 2 Jun 1990 bandar ini merayakan ulang tahunnya yang ke-250.

Pembukaan Alor Setar bermula di kawasan tebing Sungai Kedah yang diapit oleh kuala Sungai Anak Bukit dan kuala Alor Malai. Kawasan tebing Sungai Kedah itu sepanjang kira-kira satu perempat kilometer.

Kawasan itu hanya perkampungan kecil yang terdiri daripada beberapa buah rumah kayu beratap rumbia tatkala Sultan Muhammad Jiwa Azilin Muazzam Shah

pertama kali menjejak kaki di situ. Namun demikian, sultan Kedah yang ke-19 itu sangat tertarik hati pada kedudukan kampung itu. Baginda kemudian berkenan untuk memindahkan pusat pemerintahan Kedah dari Istana Bukit Pinang ke kampung itu. Sejak dari itu kampung tersebut mula membangun dan terus menjadi tumpuan penduduk negeri Kedah.

'Alor' yang dimaksudkan pada nama Alor Setar ialah alur atau anak sungai yang kini dikenali sebagai Alor Malai. Dahulu, Alor Malai cuma disebut 'alor'. Perkataan 'alor' itu tidak digunakan sebagai nama tempat tetapi sebagai pernyataan rupa bumi di situ. Maka kawasan di kuala alur itu disebut 'kuala alor'. Apabila orang Cina sampai ke situ mereka menambahkan perkataan 'Malai' di hujung 'alor' untuk membayangkan bahawa kawasan di tebing alur itu didiami oleh orang Melayu.

Pada masa sebelum Siam menyerahkan Kedah kepada Inggeris pada tahun 1909, pangkalan di Kuala Alor itu sudah maju dan sibuk. Orang Melayu menggunakan pangkalan itu untuk memunggah barang dagangan yang dibawa dari Kuala Kedah. Perahu-perahu yang singgah di pangkalan itu dikatakan ditambat pada mana-mana pokok yang berdiri tebing alur. Akan tetapi ceritanya berlainan ketika orang Melayu baru memulakan perkampungan di situ. Ketika itu perahu tidak banyak dan di tebing kuala alur itu terdapat sebatang pokok setar (juga disebut kundang) yang sangat tegap. Kedudukan pokok setar di tebing itu memudahkan

pendaratan. Pada pokok setar itulah lazimnya perahu-perahu yang menggunakan pangkalan itu ditambat.

Akhirnya perkataan 'setar' sempena nama pokok itu dicantumkan dengan 'kuala alor' untuk menghasilkan nama Kuala Alor Setar. Perkataan 'kuala' kemudian digugurkan daripada nama itu apabila kawasan perkampungan itu meluas dan pergantungan penduduk pada pangkalan itu menurun.

Bagaimanakah percantuman nama itu berlaku? Tidak ada orang yang mengetahuinya dengan tepat. Menurut satu cerita, percantuman itu berlaku semasa seorang penduduk kampung itu berbual dengan kenalan barunya di Kuala Kedah. Selepas selesai menjual hasil kebunnya di pekan itu, dia berehat di tepi sungai untuk memulihkan tenaganya sebelum mudik ke kampungnya semula. Di situ dia didatangi seorang pemuda yang sedang mencari perahu untuk ditumpang balik ke kampungnya yang tidak jauh dari Kuala Kedah.

"Hendak ke mana?" tanya pemuda itu.

"Kuala Alor," jawab pemilik perahu itu.

"Kuala alor?! Alur mana?" tanya pemuda itu lagi.

Termenung sebentar pemilik perahu itu. Kuala Alor yang mana lagi? Kemudian dia menjawab: "Kuala Alor...dekat pokok setar di hulu sungai!"

"Ah, kuala alur setar!"

Sejak dari peristiwa itu nama Kuala Alor Setar mula digunakan, tetapi tidak lama selepas itu 'Kuala' digugurkan.


Kedatangan orang Cina ke Alor Setar juga meninggalkan kesan pada nama-nama tempat di bandar itu. Kawasan tumpuan kegiatan orang Melayu dipanggil Pekan Melayu, yang dibezakan daripada Pekan Cina. Kemudian muncul pula Kampung Seberang Nyonya.



Peta lakaran Alor Setar di sekitar Sungai Kedah

Di bandar Alor Setar kini terdapat banyak bangunan dan tempat yang menarik dan bersejarah. Contohnya Muzium Negeri. Di muzium ini dipamerkan barang-barang purba termasuk barang-barang tembikar Cina yang dijumpai di negeri Kedah.

Masjid Zahir yang terletak di tengah-tengah bandar Alor Setar adalah salah sebuah masjid yang tercantik di Malaysia. Masjid ini dirasmikan pada tahun 1912. Tidak jauh dari Masjid Zahir terdapat Balai Nobat.



Masjid Zahir


Bangunan Balai Nobat yang dahulunya dikenali dengan nama Menara Nobat, asalnya dibina daripada kayu dan zink. Pada tahun 1912, semasa pemerintahan Sultan Abdul Hamid, Balai Nobat telah dibina semula dengan menggunakan batu-bata, kayu dan besi.

Alat nobat yang tersimpan di negeri Kedah sekarang dipercayai alat nobat yang paling tua di negara kita. Nobat menjadi lambang kebesaran raja-raja Kedah sejak lebih daripada 400 tahun dahulu.


Berbagai-macam pendapat dikemukakan tentang asal usul permainan nobat. Antaranya pendapat yang mengatakan bahawa perkataan nobat berasal daripada bahasa Parsi atau bahasa Sanskrit yang bermaksud sembilan. Dalam bentuk awalnya, kelengkapan nobat terdiri daripada sembilan alat muzik. Bilangan alat

muzik itu kemudian dikurangkan kepada tujuh sahaja. Ada juga pendapat yang mengatakan bahawa nobat berasal dari kota Baghdad kerana nobat menjadi alat kebesaran kerajaan yang memerintah dari kota itu.

Balai Nobat



Satu lagi bangunan bersejarah di Alor Setar ialah Balai Besar. Bangunan ini dibina dalam tempoh pemerintahan Sultan Muhammad Jiwa. Balai ini didirikan supaya menghadap arah kiblat. Pada masa dahulu bangunan ini dikenali sebagai Balai Penghadapan, tempat terletaknya Astaka dan Singgahsana sultan Kedah. Di sini juga diadakan pelbagai istiadat diraja.



Balai Besar

Balai Besar yang asal didirikan dengan menggunakan kayu dengan bumbung atap rumbia. Bumbung Balai Besar dibina bertingkat-tingkat supaya nampak berbeza daripada bumbung-bumbung Dewan Besar, Lepau, Rumah Tangga, Serambi Kiri dan Serambi Kanan, serta Astaka dan Singgahsana.

Balai Besar telah menyaksikan pelbagai peristiwa suka duka dan telah beberapa kali mengalami kerosakan. Dalam usaha memperbaiki bangunan ini banyak ciri asalnya dikekalkan. Namun begitu, beberapa perubahan terpaksa dibuat untuk mengukuhkan dan mencantikkannya. Perubahan ini termasuklah penggunaan bahan-bahan moden seperti simen, bata dan besi.

Dalam tahun 1905, di Balai Besar ini berlangsung perkahwinan diraja lima orang putera dan puteri Sultan Abdul Hamid Halim Shah. Pada 15 Julai 1909 pula

Balai Besar menyaksikan perlantikan Sir George Maxwell sebagai penasihat Inggeris yang pertama bagi menggantikan pegawai penasihat yang dihantar oleh kerajaan Siam untuk membantu sultan Kedah. Upacara perlantikan penasihat itu telah menukar corak kegunaan Balai Besar. Daripada fungsi asalnya sebagai Balai Penghadapan, sejak itu bangunan ini dijadikan Dewan Mesyuarat, tempat untuk membincangkan hal-hal pentadbiran negeri. Balai Besar kekal sebagai sebuah dewan mesyuarat kerajaan negeri dan upacara diraja.

Berdekatan dengan Balai Besar itu terdapat Muzium Diraja. Muzium ini dikhususkan untuk pameran khazanah sejarah diraja negeri Kedah. Bahan-bahan yang dipamerkan di sini termasuk alat-alat istiadat perkahwinan diraja dan barang-barang koleksi diraja. Bangunan muzium ini asalnya Istana Kota Setar.



Gurun

Gurun di daerah Pendang bukanlah suatu kawasan yang tandus. Sebaliknya, bandar Gurun dikelilingi oleh kehijauan ladang-ladang getah, dusun dan sawah. Walau bagaimanapun, di kawasan Gurun terdapat beberapa bukit yang sangat curam. Di kawasan yang berbukit-bukit inilah pernah dijumpai kambing gurun, binatang liar yang diceritakan memberi nama kepada tempat ini.

Kambing gurun kadangkala disebut sebagai kambing hutan kerana habitat binatang ini ialah kawasan yang berhutan.

Kambing gurun memang haiwan yang ganjil. Malah setengah-setengah orang tua menganggap binatang ini berpuaka lalu mereka jarang memburunya. Kambing gurun cekap memanjat bukit dan tidak takut jatuh. Menurut cerita, kambing gurun boleh menyembuhkan mana-mana tulangnya yang patah hanya dengan menjilat kulit di bahagian badannya yang cedera.

Sebenarnya orang jarang memburu kambing gurun kerana beberapa sebab lain. Pertama, sejak dari dahulu jumlah kambing gurun memang tidak begitu banyak lantaran itu sukar ditemui. Sudahlah begitu, jika ditemui pun kambing gurun susah untuk didekati, apalagi untuk diperangkap. Ini kerana kebiasaannya kambing gurun bermain di puncak-puncak bukit yang curam, terutama puncak bukit batu kapur yang sangat berbahaya kepada pendaki. Kedua, daging kambing gurun dikatakan tidak sedap dimakan. Tanduk kambing ini pula kecil dan tidak menarik, tidak seperti tanduk rusa yang dahulu gemar dilekatkan di dinding sebagai perhiasan rumah.

Meskipun begitu, ada orang yang gemar memburu kambing gurun. Mereka percaya bahawa daging dan beberapa bahagian badan binatang itu boleh dijadikan ubat untuk penyakit-penyakit tertentu.



Kodiang

Bandar Kodiang terletak di sempadan Kedah dan Perlis. Berhampiran dengan stesen keretapi di pekan ini terdapat sebuah 'bukit merah', iaitu bukit yang tanahnya berwarna merah.

Dahulu pekan ini sebuah perkampungan orang Siam. Mereka menyebut 'bukit merah' itu sebagai *koudang*. 'Koudang' juga digunakan untuk merujuk kepada kampung mereka. Orang Melayu yang datang ke situ kemudian turut menggunakan nama itu.

Lama-kelamaan sebutan 'koudang' bertukar menjadi 'kodiang'. Nama Kodiang kekal hingga ke hari ini.




Sungai Petani


Bandar Sungai Petani, pusat pentadbiran daerah Kuala Muda, adalah bandar yang kedua terbesar di negeri Kedah. Nama bandar ini diambil daripada nama sungai, iaitu Sungai Petani, anak Sungai Merbok.

Pada zaman dahulu, anak sungai itu dikenali dengan nama Sungai Bertanding, kononnya kerana anak sungai tersebut setanding atau selari dengan satu anak Sungai Merbok yang lain. Jarak di antara dua anak sungai itu kira-kira 60 meter.

Bagaimanakah nama 'Petani' itu timbul? Mungkin nama itu berkaitan dengan daerah Pattani di Thailand.



*Tinggalan Candi Batu Pahat
dekat Kg. Sungai Merbok*



*Peta lakaran kawasan
Lembah Merbok*

Pattani lahir daripada perkataan Sanskrit *pathini* yang bermaksud 'perempuan yang suci'. 'Pathini' adalah gelaran yang diberikan kepada puteri Merong Maha Wangsa, puteri yang dikatakan cantik rupa parasnya dan mulia pekertinya. Puteri itu diangkat menjadi ratu yang disanjung oleh penduduk di sana.

Ketika Kedah dikenali dengan nama Langkasuka, para pedagang selalu berulang-alik antara Lembah Merbok dan Pattani serta bahagian timur Semenanjung melalui jalan darat. Jadi, tidak mustahil jika nama Petani itu terpinjam daripada gelaran ratu sanjungan it terletak



Gunung Jerai

Gunung Jerai terletak kira-kira 40 kilometer ke selatan Alor Setar. Pada masa dahulu, gunung ini dijadikan pedoman arah oleh kapal-kapal yang belayar di perairan Kedah. Dari jauh gunung ini nampak berbalam. Pemandangannya sungguh cantik terutama pada awal pagi, ketika cahaya matahari berubah-ubah.

Menurut legenda, perkataan 'Jerai' berasal daripada 'Serai', nama seorang puteri yang sangat ayu. Puteri Serai ditunangkan dengan seorang putera raja, Putera Perak. Mereka bersetuju berkahwin dan hari yang baik untuk melangsungkan perkahwinan itu pun ditetapkan.

Pada hari yang baik itu, Putera Perak pun diarak ke rumah Puteri Serai dengan diiringi paluan gong dan gendang sepertimana yang diadatkan pada zaman itu. Akan tetapi, pada saat-saat terakhir sebelum ikatan perkahwinan itu dirasmikan, Puteri Serai telah bertukar fikiran dan tidak mahu dikahwinkan. Maka berlakulah satu pertengkaran hebat antara ahli-ahli keluarga pasangan itu. Seorang pembesar negara telah masuk campur dengan bertindak sebagai orang tengah untuk menyelesaikan pertengkaran yang memalukan itu.



Dalam pada itu, Sang Kelembai sudah tidak tahan lagi dengan riuh-rendah kebisingan yang menusuk telinganya. Dia memanggil Putera Perak dan Puteri Serai supaya masuk menghadapnya. Akan tetapi mereka tidak mengendahkan perintah Sang Kelembai itu kerana terlalu asyik bertengkar. Hal ini sangat-sangat menyakitkan hati Sang Kelembai. Lantaran itu dia menyumpah mereka.

Apabila terkena sumpahan itu Puteri Serai bertukar menjadi gunung. Gunung itu dipanggil Gunung Serai. Nama itu kemudian ditukar kepada Gunung Jerai. Putera Perak pula menjadi Gunung Perak yang kemudian dikenali sebagai Bukit Perak.

Pembesar negara yang cuba untuk meleraikan pertengkaran itu juga termakan sumpah. Dia juga menjadi bukit, iaitu bukit yang terletak di antara Gunung Jerai dan Bukit Perak. Bukit itu diberi nama Bukit Tengah, sempena peranan pembesar itu sebagai orang tengah. Kadangkala bukit itu disebut sebagai Bukit Tegah kerana pembesar itu cuba untuk menegah atau melarang mereka daripada bersengketa.
